

Newspaper	Berita Harian
Date	17 March 2016

# Deklarasi diisytihar Tun M beri kesan berlawananan

BH-17/3/2016

**Kuala Lumpur:** Deklarasi diisytiharkan Tun Dr Mahathir Mohamad bagi menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak, mungkin memberikan kesan berlawananan dan lebih sokongan kepada Perdana Menteri, kata penyelidik Kumpulan Fitch.

*BMI Research*, syarikat milik Kumpulan Fitch, dalam kenyataannya menyatakan klausa kedua dalam deklarasi itu yang menggesa sesiapa yang pernah bekerja dengan Najib diturunkan, berkemungkinan menyatukan parti untuk memberikan soko-

ngan kepada Presiden UMNO itu.

"Klausa pertama deklarasi iaitu rakyat Malaysia yang menurunkan tanda tangan bersetuju menyokong Najib diturunkan daripada jawatan Perdana Menteri melalui kaedah yang tidak ganas dan dibenarkan, adalah tidak memeranjatkan.

"Bagaimanapun, klausa kedua yang menggesa 'semua yang pernah menyokong Najib disingkirkan', tidak mungkin disahut UMNO. Sebaliknya, parti itu akan melihat kenyataan berkenaan se-

bagai serangan terhadap UMNO.

"Kami percaya ini akan menjadi titik perubahan dalam parti bergolak itu dan meyakinkan pemimpin akar umbi untuk menyokong Najib," kata *BMI Research* seperti dipetik portal berita.

## Kukuh keazaman UMNO

*BMI Research* berkata, ahli UMNO mungkin melihat deklarasi itu sebagai menyerang parti dan bukan lagi terhadap Najib, sekali gus mengukuhkan kedudukan Najib sebagai Perdana Menteri dan Presiden parti.

"Pengisytiharan dan tanda tangan deklarasi pada 4 Mac tidak menggambarkan risiko terhadap kedudukan Najib.

"Sebaliknya, ia mengukuhkan keazaman UMNO dan akan memaksa mereka merapatkan barisan dan bergerak bersama Najib," katanya, sambil menambah Najib akan mengekalkan kedudukan selagi mendapat sokongan akar umbi.

Peletakan jawatan Dr Mahathir juga hanya memberi kesan minimum kepada Najib kerana pelucutan jawatannya sebagai Pe-

nasihat Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS) serta kegagalan mengekalkan anaknya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir sebagai Menteri Besar Kedah, selain sanggup mendapatkan sokongan daripada DAP, menunjukkan pengaruh politiknya semakin hilang.

"Sehubungan itu, peletakan jawatannya tidak mungkin membawa kepada peletakan jawatan Najib seperti yang berlaku pada 2008 (yang membawa kepada peletakan jawatan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi)," katanya.